

# Buku Kerja Aktiviti Murid

Berdasarkan

# Meneroka Alkitab



## Peringkat 2

SAMPLE



Siri Penerokaan Alkitab Pristine World

# Buku Kerja Aktiviti Murid

Berdasarkan

# Meneroka Alkitab

Peringkat 2

# Hak cipta



Diterbitkan kali pertama di Malaysia pada tahun 2024 oleh Pristine World Sdn Bhd  
Hak cipta @ 2024 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan atau multimedia ini boleh dicipta semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperolehi semula ataupun dihantar dalam sebarang bentuk ataupun cara, elektronik, mekanikal, cetak semula, rakaman, imbasan dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.

Petikan Alkitab diambil daripada ALKITAB VERSI BORNEO  
COPYRIGHT @ 2016 BORNEO SABDA LIMITED

Tidak dibenarkan memetik atau mengeluarkan ulang Alkitab @ Borneo Sabda Limited dan isi kandungan dalam cara apa pun dan untuk tujuan apa pun, tanpa kebenaran daripada pemegang hak milik Edisi Alkitab ini, iaitu Borneo Sabda Limited.

Untuk tujuan bukan komersil dan pemetikan tidak melebihi 1000 (seribu) ayat atau satu kitab, maka kebenaran tidak diperlukan, namun pada akhir petikan harus dicantumkan kata-kata: 'Dipetik daripada Alkitab @ Borneo Sabda Limited'

# ISI KANDUNGAN

01	Mengapa kita membaca Alkitab?	4
02	Apa itu Alkitab?	6
03	Perjanjian Lama	8
04	Perjanjian Baru	10
05	Alkitab Diajar dalam banyak cara sepanjang Zaman	12
06	Alkitab dalam Bahasa Umum	14
07	Pemeliharaan Alkitab	16
08	Tema Utama dalam Alkitab	18
09	Bagaimana Alkitab memberi kesan kepada Dunia	20
10	Bagaimana Meneroka Alkitab secara Peribadi	22
	Nota	24

# Bab 1: Mengapa kita membaca Alkitab?

## Tema

Pemilihan bahan bacaan yang baik adalah penting dalam pembentukan keperibadian kita untuk menjadi semakin baik.

## Objektif

Marilah kita melakukan pemilihan yang teliti dalam menentukan bahan bacaan seharian kita.

## Kunci Pelajaran

Bahan bacaan yang baik telah dituliskan oleh tokoh-tokoh yang berpengalaman dan tahun demi tahun, abad demi abad, dan kurun demi kurun, penambahbaikan berlaku dalam hasil penulisan yang wujud dalam tamadun manusia. Namun demikian, hasil penulisan yang terbaik adalah diilhamkan oleh Tuhan.

### Aktiviti 1: Apakah Bahan Bacaan Kamu?

Setiap daripada kita pastinya mempunyai bahan bacaan kegemaran kita masing-masing. Mari senaraikan bahan bacaan yang sering kali menjadi pilihan kamu ketika kamu mempunyai masa lapang. Contohnya adalah seperti novel, majalah, blog, dan banyak lagi.



- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5

### Aktiviti 2: Apa yang Terkandung dalam Alkitab?

Alkitab ialah sebuah buku yang mengandungi 1,001 kebaikan dan telah menjadi rujukan manusia sejak berabad-abad lamanya. Tandakan ✓ untuk perkara yang berkenaan.



Hal tentang perkahwinan

Hal tentang kepentingan membalas dendam



Hal tentang bagaimana mewujudkan konflik


Hal tentang menangani kesedihan

Hal tentang kasih sesama manusia

### Aktiviti 3: Teka Silang Kata

Manusia yang terawal telah mencatat rekod tentang apa yang berlaku pada masa itu di atas pelbagai jenis bahan. Lengkapkan teka silang kata ini dengan petunjuk yang telah diberikan. Jawapan boleh ditemukan dari buku Meneroka Alkitab.

1. Boleh didapati daripada pokok-pokok besar.
2. Sejenis mineral yang sangat keras.
3. Boleh didapati daripada haiwan.
4. Mudah dibentuk ketika basah.



### Fikirkan

1. Pada pendapat kamu, mengapakah di sesetengah negara, Alkitab yang ditulis dalam bahasa tempatan dirampas? Mengapa Alkitab yang ditulis dalam bahasa asing tidak dirampas?
2. Adakah kamu percaya sebuah buku mampu membentuk sebuah tamadun? Jika ya, mengapa dan jika tidak, mengapa?

### Tindakan

Sekarang, kamu telah mengetahui sedikit sebanyak tentang apa yang terkandung dalam Alkitab. Adakah kamu merasakan bahawa Alkitab ialah sebuah buku yang mampu menarik minat kamu?

Jika ya, mengapa? \_\_\_\_\_

Jika tidak, mengapa? \_\_\_\_\_

# Bab 2: Apa itu Alkitab

## Tema

Janji Tuhan kepada umat manusia adalah suatu yang terperinci dan tidak berubah dari satu generasi ke generasi yang seterusnya, sehinggalah kelahiran Yesus bahkan sehingga pada hari ini.

## Objektif

Marilah kita memahami tujuan Tuhan memberikan inspirasi kepada tokoh-tokoh penulis Alkitab yang akhirnya diterjemahkan dalam bentuk Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru dalam Alkitab.

## Kunci Pelajaran

Setiap bahan bacaan memiliki gaya dan genre penulisan yang berlainan, demikian juga bagi Alkitab. Betapa bijaksananya para penulis yang telah dipakai oleh Tuhan dalam menggambarkan apa yang telah berlaku pada masa lalu yang masih dapat dijadikan rujukan dalam kehidupan kita pada masa ini!

### Aktiviti 1: Jom Kenali Buku-buku dalam Alkitab!

Terdapat beberapa gaya penulisan bagi buku-buku dalam Alkitab. Dapatkah kamu mengenal pasti gaya penulisan/genre yang manakah yang termasuk dalam Perjanjian Lama atau Perjanjian Baru? Padankan yang berkenaan.


#### GAYA PENULISAN/ GENRE

- Sejarah Gereja
- Perintah-perintah
- Nabi-nabi
- Injil
- Nubuat
- Sejarah
- Surat Umum
- Kebijaksanaan
- Surat-surat Paulus

Perjanjian Lama

Perjanjian Baru

## Aktiviti 2



Gambar berikut diambil daripada salah satu Alkitab yang diedarkan di negara kita, iaitu Alkitab Versi Borneo (AVB) dalam kitab Mazmur. Kamu telah melihat kaedah pembahagian ayat-ayat dan bab-bab pada muka surat 14 buku 'Meneroka Alkitab'. Dengan bantuan daripada guru kamu, dapatkah kamu menuliskan ayat yang terkandung dalam Mazmur 81:6?

Mazmur 81:6 - \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### Fikirkan

Guru kamu akan menceritakan kepada kamu mana-mana kisah menarik yang terkandung dalam Alkitab. Contohnya, kisah Nabi Nuh yang telah diperintahkan oleh Tuhan untuk membina sebuah bahtera bagi persediaan menghadapi banjir besar. Selepas itu, guru kamu akan meminta setiap daripada kamu untuk menulis kembali kisah tersebut berdasarkan pengertian kamu masing-masing. Kemudian, setiap daripada kamu boleh menceritakan semula kisah itu di hadapan kelas berdasarkan apa yang telah kamu tulis.

1. Adakah setiap daripada kamu menulis perkara yang sama?

2. Alkitab telah dituliskan oleh 40 orang penulis. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kesemua penulis ini dapat menuliskan perkara yang saling berkaitan?

### Tindakan

Berdasarkan pada pembacaan kamu daripada bahan-bahan bacaan yang lain seperti komik dan majalah, dapatkah kamu mengenal pasti apakah perbezaannya dengan pembacaan kamu daripada Alkitab?

# Bab 3: Perjanjian Lama

## Tema

Sejarah yang tertulis dalam Perjanjian Lama telah menceritakan tentang jatuh banggunya sesebuah empayar. Antara yang terlibat dalam sejarah tamadun ini adalah nabi-nabi yang telah dipakai oleh Tuhan untuk mencatat peristiwa-peristiwa yang telah berlaku untuk rujukan generasi masa ini.

## Objektif

Marilah kita bersama-sama melihat perkaitan di antara penyertaan Tuhan dalam kehidupan umat-Nya dan rekod sejarah yang menjadi rujukan kita, yang kini dikenali sebagai Perjanjian Lama.

## Kunci Pelajaran

Buku-buku dalam Perjanjian Lama sangat padat dengan fakta-fakta tentang sejarah empayar manusia. Buku-buku ini kemudiannya telah dibahagikan mengikut kategori-kategori yang tertentu seperti Pentateukh, sejarah, puisi, nabi-nabi besar, dan nabi-nabi kecil. Pecahan-pecahan ini menjadikannya ia lebih mudah bagi kita untuk memahami jalan cerita Perjanjian Lama yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepada umat pilihan-Nya.

## Aktiviti 1: Jom Jelajahi Dunia Perjanjian Lama

Kamu telah mempelajari tentang keadaan geografi pada zaman Perjanjian Lama dalam **muka surat 18**. Mari selesaikan perjalanan di bawah dalam meneroka dunia Perjanjian Lama. Sambungkan garis putus-putus di antara awan-awan mengikut susunan yang betul.



**Aktiviti 2:**

Dalam muka surat 21, kamu telah melihat beberapa bahasa yang berlainan yang telah digunakan dalam penulisan Alkitab. Dengan menggunakan kunci-kunci di bawah, lengkapkan perkataan-perkataan di bawah.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M
14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z

1. Bahasa

1	18	1	13	9	1

2. Bahasa

9	2	18	1	14	9

3. Bahasa

7	18	5	5	11

4. Bahasa

9	14	7	7	5	18	9	19

**Fikirkan**

Pada pendapat kamu, apakah yang akan terjadi jika Alkitab hanya mengandungi Perjanjian Lama?

**Tindakan**

Setelah mempelajari sedikit-sebanyak tentang Perjanjian Lama, dapatkah kamu membayangkan keadaan dunia pada zaman Perjanjian Lama? Jika kamu hidup pada zaman itu, adakah kamu akan mempercayai bahawa Tuhan itu wujud? Jika ya, mengapa? Jika tidak, mengapa?

# Bab 4: Perjanjian Baru

## Tema

Penyebaran Berita Baik di luar Yerusalem bermula daripada kelahiran Yesus sehinggalah penubuhan gereja-gereja awal.

## Objektif


Marilah kita melihat bagaimana nubuatan tentang Yesus daripada Perjanjian Lama telah digenapi dalam Perjanjian Baru.

## Kunci Pelajaran

Perjanjian Baru mengandungi buku-buku yang menceritakan tentang pelayanan Yesus Kristus sehinggalah kepada para rasul dan seterusnya kepada gereja-gereja awal. Buku-buku ini dibahagikan kepada biografi, sejarah, surat-surat, dan nubuatan.

### Aktiviti 1: Kenali Jenis-jenis Buku yang Terkandung dalam Perjanjian Baru

Kamu telah mempelajari bahawa 27 buah buku yang terkandung dalam Perjanjian Baru boleh dibahagikan kepada 4 kategori. Tuliskan nombor kategori yang betul bagi setiap nama buku di bawah.



Filemon	Wahyu	Efesus
Roma	Galatia	Markus
Matius	Yohanes	I Tesalonika
Kisah Para Rasul		

## Aktiviti 2: Perjanjian Baru adalah Kisah tentang Siapa?

Dalam penceritaan Perjanjian Baru, terdapat beberapa peribadi utama yang telah disebutkan. Dapatkah kamu mengenal pasti peribadi-peribadi tersebut berdasarkan pembayang yang diberikan ini?

1. Imanuel atau Tuhan yang menjadi manusia. \_\_\_\_\_
2. Ketua kepada murid-murid Yesus. \_\_\_\_\_
3. Ibu bapa Yesus di Bumi. \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_
4. Seorang Pembaptis. \_\_\_\_\_
5. Gabenor Yudea. \_\_\_\_\_
6. Seorang rasul yang berasal daripada Tarsus. \_\_\_\_\_

### **Fikirkan**

Kamu telah melihat isi kandungan kedua-dua Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Apakah perbezaannya?

### **Tindakan**

Tokoh-tokoh dalam Perjanjian Baru mempunyai kesanggupan yang sangat tinggi dalam menyebarkan Injil biarpun mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Pada pendapat kamu, mengapakah mereka mempunyai kesanggupan yang sedemikian?

# Bab 5: Alkitab Diajar dalam banyak cara Sepanjang Zaman

## Tema

Cara yang digunakan dalam pengajaran Alkitab adalah mengikut peredaran zaman.

## Objektif

Marilah kita menghargai pelbagai cara yang telah digunakan oleh orang-orang terdahulu untuk memastikan isi Alkitab dapat disebarkan kepada lebih ramai orang, sehingga mengabaikan keselamatan mereka sendiri.

## Kunci Pelajaran

Pembelajaran Alkitab tidak terikat hanya kepada cara-cara yang tertentu. Hikmat yang diberikan oleh Tuhan kepada umat-umatnya menjadikan Alkitab dapat diajarkan kepada orang ramai dengan cara yang sangat menarik.

### Aktiviti I: Cara Alkitab Diajarkan

Pelbagai kaedah telah digunakan dalam pengajaran Alkitab. Lengkapkan frasa atau perkataan di bawah dan sempurnakan teka silang kata yang diberikan ini.

1. B \_ \_ kh \_ \_ \_ a \_ \_ secara terbuka.

2. Pertemuan dalam tempat  
\_ \_ \_ rt \_ \_ \_ u \_ .

3. B \_ \_ \_ aj \_ \_ \_ Alkitab dalam kelompok kecil.

4. \_ \_ uk \_ \_ \_ a \_ \_ katedral yang besar.

5. M \_ \_ \_ ik.


6. D \_ \_ a \_ \_ \_ .

7. S \_ \_ n \_ \_ .

8. \_ \_ il \_ \_ \_ .

9. K \_ \_ du \_ \_ \_ pujian.

10. Media \_ \_ ig \_ \_ \_ l.



## Aktiviti 2: Ketahui Isi Alkitab Melalui Lagu

Dalam bab 5, kamu telah mempelajari pelbagai cara yang telah digunakan untuk menyampaikan isi Alkitab kepada orang ramai dan salah satu daripadanya adalah melalui puji-pujian. Lagu di bawah adalah contoh puji-pujian di mana buah-buah roh kudus diperkenalkan. Kamu boleh merujuk dalam Perjanjian baru, buku Galatia 5:22-23. Dapatkan bantuan daripada guru kamu untuk mencari ayat Alkitab ini dan untuk mempelajari lagu ini bersama-sama.

*Kasih, sukacita, damai sejahtera  
Kesabaran, kemurahan,  
Kebaikan, kesetiaan, kelemah-lembutan  
Penguasaan diri*

*Inilah buah Roh Kudus  
Mengalir dalam hidupku  
Ku mau hidup dipimpin Roh Kudus  
Setiap hari*

Apakah yang dapat kamu fahami dan rasakan melalui pembelajaran lagu ini?

### **Fikirkan**

Pada pendapat kamu, melalui cara manakah yang kamu dapat lebih memahami isi Alkitab? Jelaskan kepada guru dan rakan-rakan anda.

### **Tindakan**

Kamu telah melihat bagaimana umat Tuhan berusaha untuk mengajar masyarakat tentang cerita Alkitab. Pada pendapat anda, mengapakah mereka sangat bersungguh-sungguh untuk melakukan perkara ini? Adakah perkara ini masih dapat dilihat dalam masyarakat pada hari ini?

# Bab 6: Alkitab dalam Bahasa Umum

## Tema

Alkitab boleh dimiliki oleh orang-orang biasa, dengan bahasa mereka sendiri.

## Objektif

Marilah kita menghargai adanya Alkitab yang ditulis dalam bahasa kita sendiri kerana perkara ini dapat membantu kita untuk lebih memahami apa yang Tuhan ingin sampaikan kepada kita.


## Kunci Pelajaran

Penterjemahan Alkitab daripada bahasa asalnya, sehinggalah kepada bahasa yang dapat difahami lebih ramai orang memerlukan usaha yang sangat besar, yang pastinya tidak akan terlaksana tanpa penyertaan Tuhan sendiri.


### Aktiviti 1: Kenali Tokoh-tokoh di Sebalik Penulisan Alkitab dalam Bahasa Umum

Berdasarkan pembayang-pembayang yang diberikan ini, isi tempat kosong dengan huruf yang betul bagi setiap tokoh.


Beliau menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Latin untuk Gereja Roman (Versi Vulgate).



Beliau menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Inggeris supaya orang biasa yang bukan golongan pemimpin gereja boleh membaca Alkitab sebelum abad 14.



Seorang lelaki Inggeris yang meneruskan kerja terjemahan Alkitab kepada Bahasa Inggeris seharian sebelum abad 16.



Orang Eropah pertama yang menggunakan pencetak besi mudah-alih untuk mencetak buku.



Beliau menerbitkan edisi Greek yang baru dan terjemahan Perjanjian Baru dalam Bahasa Latin yang lebih tepat.













Beliau bersedia untuk berdebat dengan gereja Roman dan telah memulakan proses yang menjadi gerakan Protestant.







## Aktiviti 2: Pelbagai Kaedah dalam Menterjemah Alkitab

Adakah kamu pernah membuat sebuah peta minda? Sesuatu topik akan lebih mudah untuk difahami dengan penggunaan peta minda. Mari bersama-sama dengan guru dan rakan kamu untuk melengkapkan peta minda di bawah. Kamu boleh menggunakan kunci-kunci yang telah diberikan untuk mengisi tempat-tempat kosong.

A D E I M N O R S V







         

TERJEMAHAN

F \_\_\_\_\_ L








PERSAMAAN

\_\_\_\_\_ K





KAEDAH TERJEMAHAN  
ALKITAB

TERJEMAHAN

P \_\_\_\_\_ F \_\_\_\_\_

TERJEMAHAN

H \_\_\_\_\_ B \_\_\_\_\_

### Fikirkan

1. Pada pendapat kamu, mengapakah tokoh-tokoh ini sanggup membahayakan nyawa mereka untuk mempertahankan Alkitab?
2. Cuba bincangkan bersama rakan dan guru kamu, mengapakah pekerjaan menterjemah Alkitab adalah satu pekerjaan yang berbahaya?

### Tindakan

Setelah mengenali dan mempelajari pelbagai versi Alkitab dan kaedah-kaedah terjemahan Alkitab, adakah kamu dapat membuat pilihan versi yang manakah yang paling mudah untuk anda fahami?

Adakah versi yang kamu pilih itu menarik minat kamu untuk mempelajari Alkitab? Mengapa?

# Bab 7: Pemeliharaan Alkitab

## Tema

Alkitab ialah sebuah buku yang hebat yang telah dipelihara dengan tepat.

## Objektif

Marilah kita meyakini bahawa Alkitab yang ada pada hari ini adalah merupakan gambaran yang tepat dan setia berdasarkan salinan yang asal.

## Kunci Pelajaran

Langkah-langkah dalam pemeliharaan Alkitab telah menunjukkan kepada kita betapa berharganya Alkitab itu sehingga tidak ada satu pun kesilapan kecil yang boleh dilakukan dalam proses penyalinan semula isi Alkitab.

### Aktiviti 1: Apakah Peraturan dalam Penyalinan Alkitab?

Berdasarkan kepada gambar-gambar di bawah sebagai pembayang, tuliskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi semasa menyalin semula Alkitab. Kamu boleh merujuk pada muka surat 46.

1.



---

---

---

2.



---

---

---

3.



---

---

---

4.



1, 2, 3, 4, .....

---

---

---

5.



---

---

---

### Fikirkan

Pada pendapat kamu, mengapakah ketepatan isi Alkitab diambil kira berdasarkan ketepatan bilangan perkataan yang disalin? Apakah kesannya jika terdapat kekurangan bilangan perkataan dalam sesebuah salinan Alkitab itu?

### Tindakan

Kamu pasti mengetahui bagaimana surat-surat dikirimkan dari satu tempat ke satu tempat. Untuk aktiviti ini, kamu akan bermain satu permainan yang dapat menguji disiplin dan tahap daya ingatan kamu. Guru kamu akan menuliskan satu perenggan yang menceritakan tentang suatu kisah di atas sehelai kertas. Sementara itu, kamu dan rakan-rakan kamu akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan, di mana satu kumpulan boleh mengandungi 4 – 5 orang ahli. Hanya orang yang pertama dalam setiap kumpulan yang akan menerima kertas itu. Guru kamu akan memberikan tempoh selama 5 – 10 minit untuk ahli yang pertama menghafal isi penting dalam kisah itu. Kemudian, dia akan menceritakan semula kepada orang yang kedua. Langkah ini diulang sehinggalah kepada ahli yang terakhir. Ahli yang terakhir perlu menulis semula kisah yang didengarnya daripada ahli yang sebelumnya. Pada akhir permainan ini, bersama guru dan rakan-rakan kamu, cuba bandingkan kisah yang dibaca oleh ahli yang pertama dengan kisah yang dituliskan oleh ahli yang terakhir.

Apakah yang dapat kamu pelajari daripada permainan ini?

# Bab 8: Tema Utama dalam Alkitab

## Tema

Alkitab boleh diringkaskan menurut tema-tema yang tertentu, yang menjurus kepada cara Tuhan mengendalikan manusia sepanjang zaman.

## Objektif

Marilah kita melihat bagaimana cara Tuhan menyelamatkan umat-Nya setelah wujudnya dosa di antara Tuhan dengan manusia dan bagaimana agama Kristian terus berkembang walaupun dengan adanya penindasan.

## Kunci Pelajaran

Alkitab adalah sebuah buku yang menyeluruh yang mengajar kita hal tentang penciptaan dunia, sehinggalah kewujudan dosa, pendamaian dengan Tuhan melalui hadirnya tokoh-tokoh besar, dan akhirnya tentang Mesias yang dijanjikan dan terus kepada gereja-gereja awal.


### Aktiviti 1: Hubungan di antara Tuhan dengan Manusia

Adakah kamu mengetahui di manakah Tuhan pada saat ini? Adakah kamu dapat melihat-Nya? Kita telah mengetahui bahawa kerana wujudnya dosa, hubungan Tuhan dengan manusia juga terkesan. Namun begitu, terdapat satu jalan di mana hubungan ini dapat dipulihkan. Isi tempat kosong di bawah dengan huruf yang betul untuk mengetahui jawapannya. Gunakan kata kunci seperti yang diberikan di bawah. Tuliskan dua huruf selepas huruf yang ditulis dalam gambar di bawah.

Cth: Y = A; Z = B; A = C; B = D; C = E; D = F



K	C	K	Z	Y	A	Y
Y	J	I	G	R	Y	Z
—	—	—	—	—	—	—



## Aktiviti 2: Kenal Pasti Tema-tema Utama dalam Alkitab

Alkitab ialah sebuah buku yang tebal dan ianya agak sukar untuk memahaminya. Dengan mengenal pasti tema-tema utama dalam Alkitab, ia dapat membantu kita untuk memahaminya dengan lebih mudah. Berdasarkan pada Bab 8 dalam buku Meneroka Alkitab, padankan frasa-frasa ini mengikut kesesuaiannya.

Penciptaan	• Hubungan antara Tuhan dan manusia
Dosa memutuskan	• Israel
Bahtera Nuh selepas	• Tanah perjanjian
Dari satu keluarga Abraham	• Dunia
Israel memasuki	• Kini menjadi satu bangsa
Raja-raja	• Banjir besar
Nubuatan tentang apa yang akan	• Mesias
Nubuatan tentang	• Bermula
Yesus ialah	• Kematian dan kebangkitan Mesias
Gereja Zaman Perjanjian Baru	• Berkembang
Bagaimana agama Kristian	• Dilakukan oleh Mesias

### Fikirkan

Dengan adanya Alkitab, kita dapat mengetahui apa yang telah berlaku pada zaman dahulu, khususnya pada zaman Yesus dan nubuatan-nubuatan yang telah digenapi melalui kelahiran Yesus Kristus. Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku ke atas tamadun manusia tanpa kewujudan Alkitab ini?

### Tindakan

Sepanjang pembelajaran dalam buku ini, kita telah menyebutkan beberapa kali tentang dosa. Dapatkah kamu mengenal pasti dosa-dosa yang sering kali berlaku di sekeliling kamu? Kamu juga boleh mengenal pasti dan berfikir sejenak tentang dosa-dosa yang pernah kamu lakukan. Ketahuilah bahawa kamu tidak perlu berasa terbeban lagi dengan dosa-dosa ini kerana Alkitab telah menyebut tentang satu peribadi yang mampu mengampuni kamu, iaitu Mesias yang telah dijanjikan atau Yesus Kristus.

# Bab 9: Bagaimana Alkitab memberi kesan kepada Dunia

## Tema

Perubahan yang dibawa oleh Alkitab akhirnya membawa kemajuan di serata dunia.

## Objektif

Marilah kita melihat bagaimana konsep-konsep yang diajar dalam Alkitab membawa kepada wujudnya tamadun dalam kalangan manusia.

## Kunci Pelajaran

Alkitab telah menyentuh perkara-perkara yang penting dalam kemajuan manusia, yang termasuklah pengudusan hidup, pendidikan, kerajaan dan perindustrian. Hal ini lahir daripada rasa bertanggungjawab dalam diri orang Kristian yang telah menerima nilai-nilai yang diajarkan dalam Alkitab.

### Aktiviti 1: Apakah Kesan-kesan Alkitab kepada Dunia

Kamu telah membaca dalam Bab 9 kesan-kesan Alkitab kepada dunia. Lengkapkan frasa-frasa di bawah dengan mengisikan huruf-huruf yang hilang, berpandukan pada teka silang kata di bawah.


1. P \_ \_ \_ gu \_ \_ us \_ \_ \_ \_ hidup

2. \_ \_ \_ v \_ \_ lu \_ \_ \_ \_ perindustrian

3. P \_ n \_ \_ \_ \_ ik \_ \_ n

4. Reformasi \_ \_ \_ ra \_ \_ \_ an

5. Perjuangan menentang  
p \_ \_ \_ h \_ \_ \_ b \_ \_ \_ n



## Aktiviti 2: Mari Mempelajari Huruf-huruf Braille

Pernahkah kamu mendengar tentang Braille? Braille adalah sebuah kaedah bacaan melalui sentuhan dan ini juga telah diciptakan oleh seorang Kristian yang berdedikasi iaitu Lous Braille. Berdasarkan pada rujukan di bawah, selesaikan mesej ini.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M
●○ ○○ ○○	●○ ●○ ○○	●● ○○ ○○	●● ○○ ○○	●○ ○○ ○○	●● ○○ ○○	●● ●● ○○	●○ ●● ○○	○● ●○ ○○	○● ●● ○○	●○ ○○ ●○	●○ ○○ ●○	●● ○○ ●○
N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
●● ○○ ●○	●○ ○○ ●○	●● ○○ ●○	●● ●● ●○	●○ ●● ●○	○○ ○○ ○○	○○ ●● ○○	●○ ○○ ●●	●○ ○○ ●●	○○ ●● ○○	●● ○○ ●●	●● ○○ ●●	●○ ○○ ●●
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10			
●○ ○○ ○○	●○ ●○ ○○	●● ○○ ○○	●● ○○ ○○	●○ ○○ ○○	●● ○○ ○○	●● ●● ○○	●○ ●● ○○	○○ ●○ ○○	○○ ●○ ○○			

●● ●○ ●● ●○ ●○ ●● ●○ ●○ ●○ ●●  
 ●○ ○● ○○ ●○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○●  
 ●○ ○○ ●○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○ ●○

●○ ●○ ●○ ○● ○● ●○ ●○ ●● ●○ ●● ●● ●○ ●○  
 ○○ ●○ ○○ ●○ ●● ○○ ●○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○ ○○  
 ○○ ●○ ●○ ○○ ●○ ○○ ○○ ○○ ●○ ○○ ●○ ●○ ●○

●● ●○ ●● ●● ●○ ●○ ●○ ●○ ●○ ●● ●○ ●● ○● ●○  
 ○○ ○● ○● ●● ○○ ●○ ○○ ○○ ●● ○○ ○○ ○○ ○○ ○○  
 ●○ ○○ ●○ ○○ ●● ○○ ○○ ○○ ○○ ●● ●○ ○○ ○○ ○○

### Fikirkan

Dengan adanya Alkitab, kita dapat mengetahui apa yang telah berlaku pada zaman dahulu, khususnya pada zaman Yesus dan nubuatan-nubuatan yang telah digenapi melalui kelahiran Yesus Kristus. Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku ke atas tamadun manusia tanpa kewujudan Alkitab ini?

### Tindakan

Sepanjang pembelajaran dalam buku ini, kita telah menyebutkan beberapa kali tentang dosa. Dapatkah kamu mengenal pasti dosa-dosa yang sering kali berlaku di sekeliling kamu? Kamu juga boleh mengenal pasti dan berfikir sejenak tentang dosa-dosa yang pernah kamu lakukan. Ketahuilah bahawa kamu tidak perlu berasa terbeban lagi dengan dosa-dosa ini kerana Alkitab telah menyebut tentang satu peribadi yang mampu mengampuni kamu, iaitu Mesias yang telah dijanjikan atau Yesus Kristus.

# Bab 10: Bagaimana Meneroka Alkitab secara Peribadi

## **Tema**

Pembacaan Alkitab boleh bermula daripada diri sendiri.

## **Objektif**

Mari kenal pasti cara yang mudah dan sesuai bagi kita untuk mempelajari Alkitab berdasarkan keperluan kita.

## **Kunci Pelajaran**

Perkara yang terpenting dalam memulakan penerokaan Alkitab adalah dengan memilih versi Alkitab yang mudah kita fahami dan dengan bantuan aplikasi serta bahan digital yang banyak tersedia pada hari ini.

### **Aktiviti 1: Rancangan Pembacaan Akitab Saya**

Kamu telah mengenali Alkitab dalam sepanjang sepuluh bab dalam buku Meneroka Alkitab. Mungkin kamu telah pun menemukan cara bagaimana kamu dapat memulakan pembacaan Alkitab kamu. Isikan rancangan kamu dalam kotak-kotak di bawah. Kamu boleh menambahkan kotak baru sekiranya kotak yang disediakan tidak mencukupi.

## Aktiviti 2: Jom Pilih Versi Alkitab yang Sesuai!

Dalam bab 10, kamu telah melihat beberapa terjemahan Alkitab yang berbeza yang boleh menjadi pilihan kita. Berdasarkan situasi di bawah, tuliskan terjemahan Alkitab yang paling sesuai untuk mereka dalam ruangan yang disediakan.

Situasi	Terjemahan Alkitab yang Sesuai
<p>Xue Lin berminat untuk mengetahui isi Alkitab tetapi dia tidak tahu dia perlu bermula daripada mana memandangkan ini adalah kali pertama baginya.</p> <p>Ann mahu mempelajari Alkitab yang senang dibaca dan bersedia untuk melaburkan masa yang panjang untuk membacanya.</p> <p>Moses adalah seorang pemimpin gereja dan beliau mahu mempelajari Alkitab secara lebih serius.</p>	

### Fikirkan

Alkitab ialah sebuah buku yang unik. Kita boleh membaca dan memahaminya tanpa membaca setiap muka surat. Pada pendapat kamu, mengapakah Alkitab boleh difahami tanpa dibaca keseluruhannya?


### Tindakan

Dalam bab ini, kamu telah melihat bantuan pembelajaran Alkitab yang berbentuk visual. Ini termasuklah buku-buku dalam Siri Penjelajahan Alkitab Visual oleh Pristine World. Minta guru kamu terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 'visual'. Pilih satu kisah daripada Alkitab, sebagai contohnya kisah penciptaan bumi dan isinya. Baca tentang kisah tersebut dalam Alkitab biasa, dan kemudian baca semula tentang kisah itu dalam Siri Penjelajahan Alkitab Visual. Yang mana satukah yang lebih anda fahami? Bincangkan bersama rakan-rakan dan guru kamu.

SAMPLE

SAMPLE

# Meneroka Alkitab



Lawat kami di [www.pristine-world.com](http://www.pristine-world.com)

Untuk pertanyaan hantar emel kepada kami di [pristineworld@gmail.com](mailto:pristineworld@gmail.com)

Hak cipta © Pristine World Sdn Bhd, Malaysia